

16 APR 1998

Parlimen-Matawang

BPA DIGUNA UNTUK GALAKKAN PENGGUNAAN MATAWANG SERANTAU

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Mesyuarat Kedua Menteri-menteri Kewangan Asean yang diadakan pada 28 Februari lalu bersetuju menggunakan mekanisme Peraturan Pembayaran Duahala (BPA) bagi menggalakkan penggunaan matawang serantau dalam perdagangan intra Asean.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin berkata pelaksanaan mekanisme itu adalah secara sukarela dan selaras dengan sistem perdagangan dan pembayaran yang sedia ada.

"Di peringkat awal, BPA dilaksanakan secara dua hala dan diperluaskan ke peringkat pelbagai hala pada masa hadapan," katanya ketika menjawab soalan Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis (BN-Rompin), pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Kata Dr Affifuddin, di bawah BPA, kedua-dua buah negara yang telah bersetuju melaksanakannya akan melantik "clearing agent" masing-masing yang terdiri dari Bank Pusat atau lain-lain bank yang sesuai.

Katanya, kedua-dua agen itu akan menyelesaikan bayaran ke atas perdagangan yang diurusniagakan di antara kedua-dua buah negara secara "bersih" yang dibuat dalam tempoh tertentu seperti setiap bulan atau tiga bulan sekali.

"Matawang yang digunakan bagi menyelesaikan pembayaran ialah matawang kedua-dua buah negara yang terlibat...di bawah persefahaman yang dicapai, tidak terdapat cadangan untuk menggunakan dolar Singapura sebagai matawang tunggal dalam perdagangan intra Asean," kata Affifuddin.

Negara-negara Asean boleh memilih untuk menggunakan mana-mana matawang Asean yang difikirkan sesuai, tambahnya.

Namun mekanisme BPA tidak menetapkan tempoh masa tertentu kerana prinsip pelaksanaannya ialah secara sukarela dan setakat ini Thailand, Filipina menunjukkan kesediaan untuk melaksanakannya bersama-sama Malaysia, katanya.

Negara-negara yang terlibat akan dapat menjimatkan penggunaan rizab pertukaran asing kerana bayaran dibuat secara "bersih" dan akan membantu mengukuhkan nilai matawang negara-negara Asean pada jangka panjang, kata Dr Affifuddin.

Langkah menggalakkan penggunaan matawang serantau merupakan salah satu usaha kerjasama di kalangan negara-negara Asean bagi menangani kejatuhan nilai matawang berbanding dengan dolar Amerika Syarikat yang dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mendapat sokongan Ketua-ketua Negara Asean semasa sidang kemuncak tidak rasmi kedua mereka di Kuala Lumpur Disember tahun lepas.

Kepada soalan tambahan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Dr Affifuddin berkata, setakat ini, Bernas telah melaksana langkah itu dengan membeli beras dari Thailand menggunakan matawang baht dan ini memberi keuntungan kepada Bernas.

Setakat ini, 70 peratus daripada urusan perdagangan antarabangsa dibuat dengan dolar Amerika Syarikat, katanya.--BERNAMA

APG WAT